

GEJALA BUANG BAYI MESTI DIHENTIKAN

Oleh: Fatila Awani binti Aziz 1171094,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 19 Ogos 2020



Kes pembuangan bayi masih lagi berleluasa di Malaysia dan situasi yang menyedihkan ini sering dilaporkan oleh media massa.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 577 kes pembuangan bayi dan janin direkodkan antara Januari 2014 hingga Disember 2018.

Pada 20 Julai 2020, media melaporkan tentang kisah seorang wanita berusia 22 tahun mengaku melahirkan bayi perempuan ketika kandungan berusia tujuh bulan dalam keadaan bernyawa dan kemudian meninggal dunia di dalam bilik tidurnya pada pukul 3 pagi di Ipoh.

Wanita itu kemudian membungkus bayi itu dan menyimpannya dalam almari selama tiga hari sebelum diberikan kepada teman lelakinya lalu dibuang ke dalam Sungai Perak, berdekatan rumah pam Lembaga Air Perak, Teluk Kepayang.

Kes itu disiasat di bawah Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan jalan membuang bayi secara sulit.

Antara punca yang menyebabkan kelahiran bayi luar nikah adalah pergaulan bebas antara lelaki dan wanita.

G. Stanley Hall menyatakan bahawa remaja akan melalui satu zaman yang penuh dengan gelora. Mereka akan melalui peringkat yang penuh kekeliruan, kesedihan dan konflik.

Situasi ini menyebabkan remaja yang mempunyai masalah lebih suka mengambil jalan mudah untuk melakukan sesuatu perkara tanpa memikirkan akibatnya.

Contohnya, dalam situasi remaja lelaki dan perempuan yang bergaul secara bebas tanpa mengira batasan sehingga terlanjur melakukan hubungan seksual.

Apabila remaja perempuan disahkan mengandung, mereka mula mencari jalan mudah untuk menyelesaikan masalah dengan cara membuang bayi di merata-rata tempat contohnya di dalam tong sampah, longkang atau di tepi tangga masjid.

Lazimnya, remaja lelaki tidak mahu bertanggungjawab sehingga menyebabkan remaja perempuan hilang pertimbangan dan sanggup mengambil keputusan membuang bayi.

Apabila remaja perempuan disahkan hamil di luar nikah, tentu sekali mereka akan mengalami masalah emosi.

Mereka tidak mahu menanggung malu dan mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah dengan membuang bayi yang tidak berdosa.

Allah berfirman dalam ayat 32, surah al-Isra' yang bermaksud, "Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk."

Sebagai umat Islam kita wajib menjaga batas pergaulan bagi mengelakkan terjerumus dalam perkara yang tidak diinginkan seperti pembuangan bayi.

Jelaslah bahawa masalah pembuangan bayi merupakan isu yang tidak boleh dipandang remeh dan perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

Pihak bertanggungjawab dan badan-badan kebajikan juga perlu lebih peka dan kerap menganjurkan pelbagai ceramah, program-program dakwah dan motivasi kepada remaja supaya mereka lebih sedar tentang keburukan dan bahaya akibat perbuatan yang tidak bermoral.

Semua pihak terutamanya ibu bapa, guru-guru dan masyarakat seharusnya bersama-sama memainkan peranan dalam menangani masalah pembuangan bayi agar isu ini dapat dicegah dan dibendung daripada menjadi semakin parah.



